

**MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA**  
**PERINGKAT HEP UM 2022**

Majlis ini bertujuan menanam semangat patriotisme atau cintakan negara di kalangan warga kerja HEP di samping menghayati sejarah perjuangan pahlawan dan pemimpin terdahulu dalam mencapai kemerdekaan dan pembentukan sebuah negara berdaulat.

**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN PENULISAN ESEI**

**KRITERIA-KRITERIA PERTANDINGAN**

1. Penyertaan adalah berbentuk esei.
2. Pertandingan penulisan esei dilaksanakan secara individu.
3. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
4. Tema esei adalah berkaitan dengan “NEGARAKU “ dan PATRIOTISME.
5. Penulisan esei hendaklah karya baru dan asli, hasil daripada penulisan penulis/ peserta dan tidak boleh mengandungi atau menyentuh isu-isu sensitif politik, ras/kaum dan agama serta belum pernah disiarkan oleh mana-mana bahan bercetak. Karya ciplak, plagiat atau terjemahan tidak akan diterima
6. Setiap esei yang dihantar tidak akan dikembalikan kepada penulis. Pihak penganjur berhak menyunting, menerbitkan semula, mencetak atau mempamerkan karya tersebut tanpa perlu meminta izin daripada peserta terlebih dahulu.
7. Semua penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap dan ditandatangani oleh peserta. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat pertandingan.
8. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang. Bukti penyertaan atau pengeposan tidak diterima sebagai bukti penyertaan.
9. Keputusan panel hakim adalah muktamad.
10. Penyertaan hanya terbuka kepada pelajar Universiti Malaya sahaja
11. Penyertaan adalah percuma. Setiap penyertaan mestilah menggunakan borang penyertaan rasmi. Borang penyertaan boleh didapati melalui emel hep@um.edu.my, di laman web HEP dan di Pejabat Am HEP.
12. Tarikh tutup penyertaan pertandingan adalah pada 10 September 2022 (Sabtu) jam 11.59 malam. Penyertaan yang diterima selepas tarikh penutupan akan ditolak.
13. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan plagiat terhadap peserta oleh mana- mana pihak yang berkaitan
14. Keputusan yang dibuat oleh penganjur berhubung pertandingan ini adalah muktamad.
15. Segala kos yang terlibat (sekiranya berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab peserta.

## FORMAT ESEI

1. Esei hendaklah ditulis dalam BAHASA MELAYU.
2. Penulisan esei hendaklah menggunakan :
  - a. Microsoft Word
  - b. FON ARIAL bersaiz 12
  - c. Jarak langkau 1.5 (spacing)
  - d. Kelarasan (justify).
3. Panjang esei hendaklah 1000–1500 perkataan dan jumlah perkataan mestilah dicatat dengan tepat pada penghujung esei. Sumber rujukan (bibliografi) penulisan esei hendaklah diletakkan pada muka surat terakhir esei.
4. Butiran maklumat perlu diletakkan sebagai **header** pada setiap helaian esei seperti nama, nombor kad pengenalan dan tajuk esei.
5. Peserta hendaklah menghantar esei dalam bentuk format Pdf bersama borang penyertaan di pautan [shorturl.at/bemo7](http://shorturl.at/bemo7)

## HADIAH PERTANDINGAN

Karya terbaik memenangi wang tunai sebanyak RM 100.00 & tiga (3) pemenang akan dipilih. Setiap peserta akan menerima e-sijil penyertaan.

## PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi urus setia pertandingan:

Puan Suzaimah

Pejabat Pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Universiti Malaya

Tel: 03-7967 7068